

26 JAN 2003

Mahathir-Iktiraf

SEMAKIN RAMAI IKTIRAF MALAYSIA SEBAGAI NEGARA ISLAM CONTOH

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Pengiktirafan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang berjaya adalah amat jelas kini apabila semakin ramai orang asing khususnya dari negara Islam yang menganggap negara ini sebagai contoh bagi mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata rata-rata kebanyakan orang luar yang ditemui semasa lawatannya ke Lubnan, Mesir dan Switzerland seminggu lepas menyatakan bahawa Malaysia adalah sebuah negara contoh bagi negara-negara Islam lain.

"Ia benar... setiap orang, (Perdana Menteri Lubnan Rafic) Hariri, anggota kabinetnya termasuk Presiden (Emile) Lahoud menganggap Malaysia sebagai negara contoh," katanya pada sidang media di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang, sekembalinya dari lawatan seminggu ke Lubnan, Mesir dan Davos di Switzerland di mana beliau menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Menjawab soalan mengenai jemputan Universiti Al-Azhar di Mesir memintanya berucap adalah satu pengiktirafan kepadanya, Perdana Menteri berkata terserah kepada orang ramai untuk membuat tafsiran.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang turut hadir pada sidang media itu, berkata jemputan ke atas Dr Mahathir untuk berucap di Universiti Al-Azhar semasa lawatannya ke universiti itu adalah satu pengiktirafan.

"Saya kata itu adalah satu pengiktirafan untuk pemimpin negara Islam pada hari ini yang telah pun membuktikan kejayaan dan menjadi contoh kepada negara-negara lain," kata Abdullah.

Perdana Menteri, yang mengadakan pertemuan dengan Ulama Besar Universiti Al-Azhar Dr Mohamed Sayed Tantawi, telah dijemput berucap dan merupakan satu-satunya pemimpin negara asing dalam tempoh 50 tahun berucap di universiti Islam tertua dan terkenal itu.

Menjawab soalan bahawa walaupun Malaysia telah diiktiraf oleh negara asing sebagai negara Islam contoh tetapi ia masih tidak diakui oleh PAS, Dr Mahathir berkata ia sememangnya satu hakikat dan PAS akan terus bersikap demikian.

"PAS sampai mati pun tak mengaku, kalau dia mengaku dia kena tutup PAS, jadi tidak mengakuah," katanya.

Mengenai laporan bahawa PAS telah menyalahgunakan wang zakat bagi membiayai pengajian lapan pelajar anak pemimpin PAS, Dr Mahathir berkata beliau khuatir penggunaan wang zakat bagi tujuan itu akan menyebabkan orang lain yang lebih miskin tidak memperolehnya.

"Itu adalah satu tindakan yang tidak bijak, tidak mematuhi kehendak Islam berkenaan pengagihan wang zakat. Begitu banyak orang yang miskin dan saya yakin kalau kita buat kajian, banyak (orang yang lebih miskin) yang tidak dapat (pengagihan wang zakat)," katanya.

Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang, yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam) semalam dilaporkan berkata tidak salah menggunakan wang zakat untuk membiayai pengajian pelajar berkenaan termasuk lima anak dua exco.

Abdul Hadi berkata tindakan itu tidak bercanggah dengan Islam kerana menuntut ilmu adalah satu tuntutan Islam dan pelajar berkenaan adalah tergolong di dalam kumpulan fisabilillah.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai tindakan kerajaan negeri Terengganu dan pimpinan PAS memberikan tanah kira-kira 50 hektar kepada Anggota Dewan

Undangan Negeri Kawasan Ladang, Dr Sulaiman Abdullah.

"Yalah... beri tanah, naik gaji. Dulu mengatalah kat orang tapi bila baru dapat kuasa, baru banyak tu orang Kedah kata banyak cet (jumlah yang kecil sahaja) dah tunjuk nak guna kuasa untuk kepentingan diri," katanya.

Sementara itu, mengenai lawatannya ke Lubnan, Dr Mahathir berkata negara itu khususnya ibu negaranya, Beirut yang dilanda kemusnahan akibat peperangan 10 tahun lepas, telah mengalami satu perubahan dan pembangunan pesat.

"Beirut yang hampir musnah akibat peperangan telah melalui pembinaan dan pembangunan yang sangat mengagumkan. Terdapat banyak bangunan pencakar langit dan ia telah pulih sepenuhnya," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Lubnan mahu rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam pembinaan semula negara mereka kerana terdapat banyak pembangunan yang perlu dilakukan.

Menurutnya Lubnan, sebagai satu-satunya di Asia Barat yang bersalji dan mempunyai bandaraya Beirut yang indah, kini semakin terkenal sebagai destinasi pelancongan serta resort percutian utama.

"Untuk bermain ski, orang Arab sekarang tak perlu lagi ke Eropah dan Amerika kerana boleh ke Beirut. Ia semakin membangun dan mereka (Lubnan) mahu rakyat Malaysia membina kompleks-kompleks beli belah serta melakukan pembinaan lain," katanya.

Semasa di Kaherah, selain berucap kepada pelajar dan kakitangan Universiti Al-Azhar, Dr Mahathir berkata beliau juga mengadakan perbincangan mendalam dengan Presiden Mesir Hosni Mubarak.

Perdana Menteri berkata beliau juga menjemput Mubarak melawat Malaysia.

Di Davos, Dr Mahathir yang menghadiri empat sesi WEF, berkata beliau telah menyatakan pandangan Malaysia mengenai keganasan dan keganasan Islam.

"Secara keseluruhannya, saya rasa di Davos kali ini, kita dapat menjelaskan dan membetulkan interpretasi yang salah mengenai keganasan dan keganasan Islam.

"Dan pada masa yang sama memberitahu mereka bahawa menyerang Iraq tidak akan membantu dan apa yang mereka lakukan dalam memerangi keganasan telah menjadikannya semakin buruk," kata beliau.

-- BERNAMA

HS MFJ NAK